

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 18 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 35

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15168
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) apakah kriteria yang digunakan oleh agensi berkaitan (contohnya seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Kementerian Kewangan) bagi mengesahkan status 'pemandu sepenuh masa' dalam menentukan kelayakan kuota RON95 bersubsidi sebanyak 600 liter; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan ketirisan subsidi kepada pemandu yang tidak aktif atau tidak sah.

2. PN-1543-L15214
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang STEM termasuk usaha menarik minat pelajar perempuan sejak dibangku sekolah serta memastikan graduan wanita dalam bidang ini terus kekal dan maju dalam kerjaya mereka.

3. PN-1543-L15486
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah jangka panjang Kementerian dalam memastikan pelaksanaan subsidi bersasar dapat dijalankan tanpa isu teknikal berkait dengan penyalahgunaan MyKad bagi bantuan SARA.

4. PN-1543-L15354

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Pelan Transformasi Digital Pendidikan, khususnya dalam aspek penyediaan capaian internet berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman. Selain itu, apakah tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian bagi memastikan semua sekolah dilengkapi dengan peranti pembelajaran asas serta menikmati akses digital yang setara.

5. PN-1543-L15497

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan jangka panjang Kementerian dalam mengekang jurang pendapatan dan pekerjaan bergaji tinggi yang semakin melebar antara bandar dan luar bandar; dan
- (b) apakah mekanisme pengukuran keberhasilan peruntukan belanjawan khusus bagi pembangunan ekonomi luar bandar.

6. PN-1543-L14916

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kaedah memperkukuh hubungan universiti dan industri di Selangor.

7. PN-1543-L14846

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan kebebasan media berkembang seiring dengan tanggungjawab etika kewartawanan dalam ekosistem komunikasi digital yang semakin terbuka.

8. PN-1543-L15369

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai ancaman ekstremisme politik dalam kalangan penjawat awam yang memuat turun bahan-bahan kebencian kaum dan agama.

9. PN-1543-L14894

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memperbanyak acara sukan rakyat seperti sepak raga, gasing, wau dan lain-lain di pelbagai peringkat sebagai suatu langkah mempromosikan sukan rakyat sekaligus memastikan golongan belia tidak melupakan kewujudan sukan rakyat di Malaysia.

10. PN-1543-L14780

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian melalui MCMC bagi memastikan Astro mematuhi prinsip ketelusan dan memberi penerangan jelas sebelum sebarang kontrak ditandatangani oleh peniaga kecil; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia mengarahkan Astro agar mengeluarkan notis amaran atau peringatan terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga kecil yang tidak menyedari status penggunaan siaran komersial mereka.

11. PN-1543-L15248

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah yang diambil Kementerian dalam mengawal strategi penetapan harga agresif oleh jenama F&B asing seperti Mixue, Luckin dan platform e-dagang China yang menawarkan harga jauh di bawah pasaran tempatan hingga mengancam perniagaan kecil dan sederhana tempatan.

12. PN-1543-L15376

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan siapakah pihak yang menyediakan dan mengesahkan dokumen rasmi berkaitan status pemain-pemain naturalisasi tersebut, serta apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan tiada pemalsuan atau manipulasi dokumen berlaku.

13. PN-1543-L14865

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan isu jenayah pemerdagangan manusia yang masih berleluasa di dalam negara kita ini.

14. PN-1543-L14729

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan Kementerian terhadap sindiket penggunaan taktik penipuan menggunakan panggilan antarabangsa dan nombor tempatan palsu (*spoofing*) yang semakin berleluasa serta mengganggu gugat ketenteraman kehidupan rakyat.

15. PN-1543-L15137

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesediaan dan perancangan Kementerian untuk menubuhkan satu Bahagian Khas Orang Asli di peringkat Kementerian Pendidikan iaitu tidak disatukan di bawah mana-mana bahagian dalam memastikan dasar, pengurusan sekolah, peningkatan kompetensi guru serta pembangunan murid dapat diselaras secara lebih berfokus dan berkesan.

16. PN-1543-L15006

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah perancangan Kerajaan dalam mengawal selia kemajuan kecerdasan buatan dan integriti digital di negara ini daripada dimanipulasi sebagai propaganda untuk memecahbelahkan keutuhan masyarakat kita.

17. PN-1543-L14757

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan anggota ASEAN bagi membolehkan pendekatan yang seragam dalam kalangan negara anggota berkaitan isu Palestin seperti genosid yang dilakukan oleh rejim Zionis di Gaza serta penyelesaian komprehensif konflik di rantau ini yang diperjuangkan oleh Malaysia.

18. PN-1543-L15135

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kementerian bagi menangani peningkatan kes jenayah buli, rogol, dan kematian dalam kalangan pelajar, yang menjejaskan keselamatan sekolah dan membimbangkan ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah berasrama.

19. PN-1543-L14792

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kes kecurian bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang telah dilaporkan setakat ini, dan sama ada Kerajaan akan mengembalikan nilai bantuan yang telah dicuri kepada mangsa yang terlibat setelah pengesahan dibuat.

20. PN-1543-L15071

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sasaran liputan 5G luar bandar, pelan keselamatan siber sektor awam dan perlindungan data rakyat selari perluasan MyDigital ID dan inisiatif pendigitalan Kerajaan.

21. PN-1543-L15499

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana pendekatan Kementerian untuk memastikan pengambilan STPM yang setaraf A-Level tidak terus dipinggirkan tetapi diberikan peluang yang adil dalam melanjutkan pengajian, serta bagaimana ia diiktiraf secara lebih meluas oleh universiti tempatan dan antarabangsa.

22. PN-1543-L15035

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) kesan pelaksanaan program BUDI MADANI RON95 terhadap kadar inflasi negara, termasuk langkah-langkah mitigasi fiskal dan sosial yang diambil bagi mengekang kenaikan harga barangan keperluan susulan pelarasan harga RON95; dan
- (b) unjuran Kementerian terhadap kestabilan harga dan inflasi keseluruhan negara dalam tempoh enam hingga dua belas bulan selepas pelaksanaan program BUDI MADANI RON95.

23. PN-1543-L15280

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menambah aset dan keupayaan Angkatan Pertahanan Awam khususnya di Daerah Baling bagi mempertingkatkan keberkesanan operasi semasa berlakunya kemalangan atau bencana.

24. PN-1543-L15435

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana pemantauan dilakukan terhadap perjanjian sekolah angkat antara enam buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Malaysia dengan beberapa sekolah di Hangzhou, China yang dimeterai pada 16 September lalu serta implikasinya terhadap sistem pendidikan negara.

25. PN-1543-L15452

Senator Tuan Isaiah a/I D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung pelaksanaan penubuhan Suruhanjaya Parlimen Orang Kurang Upaya, penubuhan Suruhanjaya Hal Ehwal Orang Kurang Upaya yang setaraf dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), serta penubuhan Tribunal Khas Orang Kurang Upaya bagi memperkasa hak dan perlindungan undang-undang komuniti tersebut di Malaysia.

26. PN-1543-L14817

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah konkrit yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menstabilkan nisbah hutang negara berbanding KDNK agar ia selari dengan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 serta ukuran pengurusan risiko yang diambil sejajar dengan sasaran merendahkan hutang negara; dan
- (b) bilakah Malaysia dijangka mencapai belanjawan *surplus*.

27. PN-1543-L15252

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan konkrit yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kursus pra perkahwinan Islam bukan sekadar formaliti, tetapi benar-benar membekalkan pasangan dengan ilmu keibubapaan, pengurusan anak dan tanggungjawab keluarga mengikut maqasid syariah.

28. PN-1543-L15107

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warga asing yang dikesan menyalahgunakan pas dan visa Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H), dan apakah perincian pembaharuan MM2H yang dilakukan bagi memastikan keselamatan negara terus terjamin.

29. PN-1543-L14931

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah dan nilai sebenar penyelewengan wang 1MDB yang telah dipulangkan kepada pihak Kerajaan hasil daripada tuntutan mahkamah dan bayaran balik dari beberapa buah negara; dan
- (b) adakah kerugian yang dialami dari skandal 1MDB ini sebenarnya telah dikembalikan sepenuhnya.

30. PN-1543-L15055

Senator Dato' Sri Vell Paari a/I Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi komunikasi Kementerian untuk menangani rungutan pelajar berkelayakan yang tidak mendapat kursus pilihan walaupun mempunyai keputusan yang cemerlang, terutamanya pelajar bukan Bumiputera.

31. PN-1543-L15341

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meregulasi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang tidak berasaskan keuntungan melalui Suruhanjaya Kebajikan bagi memperkasa tatakelola (NGO).

32. PN-1543-L15473

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kerajaan terhadap projek pemuliharaan Carcosa Seri Negara yang menelan RM600 juta dan apakah justifikasi kos tersebut, garis masa pelaksanaan, serta model operasi dan kegunaan bangunan atau projek selepas siap nanti.

33. PN-1543-L15264

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mekanisme kawalan yang diambil Kerajaan terhadap laman web dan media sosial yang menyebarkan kandungan lucah, keganasan dan statistik terkini laman yang telah disekat serta dakwaan MCMC hanya akan bertindak sekiranya mendapat laporan.

34. PN-1543-L15428

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan justifikasi kelulusan kemasukan artis pelawak luar negara dari Singapura, Kumarsutra untuk membuat persembahan yang dikaitkan dengan kontroversi berkaitan agenda LGBTQ sedangkan dasar negara Malaysia secara jelas tidak mengiktiraf dan menolak budaya tersebut.

35. PN-1543-L15258

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan dalam menangani kritikan oleh bekas pegawai tinggi tentera Thailand terhadap Perdana Menteri Malaysia yang boleh menjejaskan imej negara dan hubungan diplomatik Malaysia di peringkat antarabangsa.

36. PN-1543-L15460

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menaikkan kadar elaun pekerja OKU dan bantuan OKU tidak berupaya bekerja dalam Belanjawan 2026, mengambil kira peningkatan kos sara hidup semasa serta keperluan bagi memperkukuh kesejahteraan ekonomi golongan OKU di seluruh negara.

37. PN-1543-L15096
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai pelancongan di setiap negeri ikut pecahan tahun dari 2018 hingga 2024.
38. PN-1543-L14815
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Sabah yang belum memiliki dokumen pengenalan diri setakat Januari 2026.
39. PN-1543-L15515
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bekerjasama dengan kumpulan NGO yang berfokus kepada pendidikan untuk mengurangkan keciciran pelajar.
40. PN-1543-L14934
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan subsidi petrol RON95 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Madani melalui Program Budi Madani kepada rakyat, serta berapakah jumlah dan nilai yang dijangka oleh Kerajaan dapat diselamatkan hasil inisiatif ini dalam setahun.
41. PN-1543-L14915
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan naik taraf sekolah lama di Selangor.
42. PN-1543-L15011
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam memperkasakan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai salah satu ejen perpaduan dalam komuniti.
43. PN-1543-L14969
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi berkaitan untuk memberi opsyen kepada golongan B40 supaya lebih fleksibel dan mudah lulus dalam permohonan pinjaman perumahan, terutamanya bagi rumah pertama dan pasangan baru berkahwin.

44. PN-1543-L14861

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membantu pesara-pesara syarikat GLC seperti TNB, Telekom Malaysia Berhad, Pos Malaysia Berhad, KTMB dan lain-lain yang menerima bayaran pencen yang rendah berikutan dasar penswastaaan oleh Kerajaan pada tahun 80-an dan 90-an.

45. PN-1543-L14801

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan program bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada rakyat Sabah di bawah Belanjawan 2026.

46. PN-1543-L14701

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil penilaian Kerajaan terhadap keberkesanan Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam dalam membentuk akhlak pelajar, dan adakah Kementerian akan menyemak semula pendekatan pengajaran yang lebih berfokus kepada pembentukan karakter dan nilai murni, bukan sekadar penilaian akademik.

47. PN-1543-L15397

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) garis masa Kerajaan mengekalkan harga runcit bersubsidi RON95 pada kadar RM1.99 seliter serta paras subsidi bahan api yang boleh ditanggung Kerajaan sekiranya berlaku kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia; dan
- (b) bilakah kuota bulanan 300-liter RON95 akan dikaji semula selepas data individu diperoleh secara terperinci.

48. PN-1543-L14781

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek aset pertahanan maritim seperti kapal, radar pantai, atau pangkalan operasi di Sabah/Sarawak, serta adakah terdapat perkembangan atau kelewatan penting setakat November 2025.

49. PN-1543-L14968
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengawal penyebaran iklan berbayar di platform digital yang bersifat keterlaluan, termasuk yang mengandungi unsur lucah, perjudian, serta penyebaran berita palsu.
50. PN-1543-L14822
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal (CGT) dan Cukai Barangan Mewah dapat menyeimbangkan keperluan hasil negara tanpa menekan sektor pelaburan domestik.
51. PN-1543-L15064
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 hingga 2025) telah mencapai matlamatnya dalam menambah baik sistem pendidikan negara.
52. PN-1543-L15314
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil untuk menggubal undang-undang berkaitan had penggunaan wang dalam pemilihan parti dan pilihan raya umum bagi membendung politik wang atau rasuah dalam bidang politik.
53. PN-1543-L14929
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam memperkemaskan sistem pendaftaran pekerja asing supaya lebih telus dan mudah untuk dikesan bagi warga asing yang tinggal lebih masa atau menyalahgunakan permit kerja mereka.
54. PN-1543-L14959
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana artikel 2.5 dan 2.6 menghadkan hak mutlak JAKIM untuk menolak pengiktirafan sijil yang dikeluarkan oleh badan AS di bawah Perjanjian Timbal Balas Perdagangan (ART) sekiranya terdapat keraguan syariah, serta adakah klausa keluar boleh diguna pakai bagi menjamin kedaulatan standard halal negara.

55. PN-1543-L15500

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kementerian bagi menangani isu-isu jenayah seperti kes buli, bunuh, rogol, tekanan mental dan sebagainya hingga menjejaskan aspek keselamatan di sekolah-sekolah serta sejauh manakah usaha ini diselaraskan ke seluruh negara termasuklah kawasan luar bandar.

56. PN-1543-L15260

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini berkaitan kelulusan permohonan kewarganegaraan terutamanya di Sabah dan bagaimana Kementerian bersama Jabatan Pendaftaran Negara memudah cara proses permohonan kewarganegaraan ini.

57. PN-1543-L15194

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan hak-hak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) kepada Sabah dan Sarawak sehingga kini.

58. PN-1543-L14987

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan latihan seni mempertahankan diri sebagai modul wajib sekurang-kurangnya dua kali seminggu bermula dari sekolah rendah, sebagai sebahagian daripada usaha membina sahsiah, memperkukuh disiplin diri, serta mencegah gejala buli secara lebih berkesan di peringkat sekolah; dan
- (b) memandangkan banyak sekolah di Sabah kekurangan kemudahan sukan asas, apakah pelan Kementerian untuk memastikan pelajar luar bandar turut mendapat akses sama rata terhadap modul latihan seni mempertahankan diri tanpa perlu bergantung kepada fasiliti luar sekolah.

59. PN-1543-L14905

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kemasukan warga asing ke dalam negara yang tidak meninggalkan negara ini setelah tamat tempoh pas lawatan sosial mereka ; dan

- (b) apakah usaha Kerajaan untuk mengawal perkara ini agar dapat mengekang lambakan warga asing yang melebihi tempoh pas lawatan sosial .

60. PN-1543-L15302

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan prestasi agihan jualan minyak masak paket bersubsidi serta sejauh mana keberkesanan sistem eCOSS dalam kawal selia dan agihan yang lebih bersasar kepada rakyat.

61. PN-1543-L15353

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menambah baik program BUDI95 dan BUDI Diesel dengan meluaskan pelaksanaannya kepada kenderaan milik kumpulan masyarakat sivil berdaftar (CSO) di Malaysia, memandangkan pada masa ini CSO rasmi yang berdaftar belum termasuk dalam kategori penerima yang layak.

62. PN-1543-L14705

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuh kemajuan sukan negara, termasuk usaha memperkasa atlet pelapis, kemudahan latihan bertaraf antarabangsa serta strategi meningkatkan pencapaian atlet di peringkat serantau dan global.

63. PN-1543-L15127

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan selanjutnya Kerajaan berikutan dakwaan pemalsuan dokumen bagi melayakkan tujuh orang pemain warisan Harimau Malaya memperoleh kewarganegaraan Malaysia sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

64. PN-1543-L15309

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada usaha telah dilakukan untuk mengkaji dan menerapkan aspek-aspek positif pelaksanaan pendidikan di negara-negara lain, khususnya yang telah mencapai kejayaan dalam pembinaan modal insan yang seimbang dari segi pencapaian akademik dan akhlak pelajar.

65. PN-1543-L15158

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyediakan sokongan bantuan pembinaan rumah kepada saudara baharu dalam kalangan masyarakat Orang Asli, memandangkan keperluan tempat tinggal yang teratur merupakan asas penting dalam proses pengukuhan akidah, kestabilan keluarga dan penglibatan mereka dalam kehidupan beragama.

66. PN-1543-L15377

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan bahawa tujuh pemain naturalisasi tersebut mempunyai pertalian biologi dengan Malaysia, dan apakah bentuk bukti atau ujian yang digunakan dalam proses pengesahan tersebut.

67. PN-1543-L15059

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk mengecualikan pihak berkuasa tempatan (PBT) daripada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dengan sepenuhnya.

68. PN-1543-L14765

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) tahap keberkesanan pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028; dan

(b) apakah indikator utama yang menunjukkan peningkatan integriti dalam sektor awam dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

69. PN-1543-L15424

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pesalah sabitan kes juvana dari tahun 2020 hingga 2025 dan bilangan yang ditahan di Pusat Koreksional atau Sekolah Integriti Jabatan Penjara Malaysia.

70. PN-1543-L15044

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hala tuju Kementerian dalam memperkukuh pembangunan atlet tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pemain luar, termasuk pelan pembangunan jangka panjang di bawah Blueprint Pembangunan Sukan Negara, program bakat muda (talent identification), dan penambahbaikan liga sukan tempatan supaya menjadi platform utama pembangunan atlet negara.

71. PN-1543-L14881

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar Kerajaan berhubung pengambilan warga asing sebagai pengawal keselamatan serta langkah bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan tersebut kepada rakyat tempatan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Komunikasi]

2. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]

3. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]